

BAB III

BIOGRAFI USTAZ EBIT LEW

A. Riwayat Hidup Ustaz Ebit Lew

Ustaz Ebit Lew merupakan seorang tokoh agamawan yang terkenal di Malaysia yang berasal dari kota Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur. Ustaz Ebit Lew memiliki jasa yang besar dalam dunia dakwah di Malaysia, Indonesia dan juga Singapore. Ustaz Ebit Lew lahir pada tanggal 21 Disember 1984 atau nama aslinya adalah Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau akan tetapi lebih di kenal dengan Ustaz Ebit Lew oleh masyarakat dari peringkat kanak-kanak hinggalah peringkat dewasa. Beliau juga berasal daripada bangsa Cina dan mempunyai 12 orang anggota keluarga dan 6 orang dari ahli keluarganya adalah beragama Budha dan selebihnya adalah beragama Islam hasil daripada dua orang ibu¹.

Ayahnya adalah seorang non-muslim yang berasal dari bangsa Cina dan beragama Budha. Selepas bercerai dengan pasangannya yang pertama ayahnya menikah lagi dengan wanita beragama Islam yang berasal dari tanah Jakarta, Indonesia. Hasil perkahwinan itu ayahnya diberi hidayah untuk memasuki agama Islam kemudian lahirlah Ustaz Ebit Lew.²

Ustaz Ebit Lew ketika usianya masih kecil, tidak dibesarkan sepenuhnya dengan ajaran Islam. Di sekolahnya juga, beliau adalah seorang murid yang nakal,

¹ Marina, *Biodata Ustaz Ebit Lew*, <http://www.azhan.co/biodata-ustaz-ebit-lew/>, internet diakses pada tanggal 12 Febuari 2019, 12.30 WIB.

² Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau, *wawancara radio Ikim.fm*, tanggal 25 juli 2019

dan selalu memiliki masalah dengan orang sekelilingnya. Beliau menjadi murid yang tidak disukai oleh guru di sekolah. Hinggalah suatu hari, ketika berusia 12 tahun, seorang guru Matematika telah berjaya mengetuk pintu hatinya hingga membuatnya menangis dan menginsafi diri. Berkat usaha guru tersebut dan izin Allah S.W.T, beliau yang tidak pernah shalat mulai mempelajari shalat dan mendekati Islam seluruh. Perubahan Ustaz Ebit Lew adalah titik awal yang mendorong seluruh keluarganya, termasuk ibu dan ayahnya untuk kembali kepada ajaran Islam. Saat ini, beliau menjadi seorang penceramah yang sangat di segani ramai sehingga dakwahnya tersebar ke negeri jiran antaranya Singapor dan Indonesia.³

Ketika usia 12 tahun itu juga, guru Matematika iyaitu Muhammad Noor sering memberikan nasehat mengenai akibat jika tinggal shalat satu waktu boleh masuk ke neraka hingga 80 tahun. Sejak itu, ustaz Ebit Lew mula ke surau, masjid untuk shalat berjemaah dan mula mengikuti aktivitas dakwah sehinggalah menjadi tokoh agamawan yang terkenal di Malaysia.⁴

Walaupun tidak mendapat pendidikan bidang agama secara formal, Ustaz Ebit Lew mula mendalami ilmu agama sejak berusia 13 tahun di beberapa madrasah di Pakistan dan Thailand. Setiap kali cuti sekolah tiba beliau akan ke negara berkenaan untuk mengikuti pengajian agama bersama jemaah tabligh.

³ Ebit Irawan, Pengarah Transform Training & Conculatcy, *wawancara* tanggal 5 April 2019

⁴ Situs Berita, *Dibelasah, Ditampar Ajak Solat Subuh, internet, diakses dari* <https://www.bharian.com.my/node/50526> pada tanggal 25 Juli 2019, 07.21 WIB

Dakwahnya tidak hanya terbatas pada teman-temannya, tetapi juga kepada golongan motor, transgender, gelandangan dan pecandu narkoba yang sering berkumpul di tepi jalan. Paling bahagia, apabila ada pecandu narkoba yang kembali ke fitrah asal.⁵

Ustaz Ebit Lew sebagai mujahid dakwah yang sangat gigih memperjuangkan nasib umat Islam di negara ini melalui berbagai cara antara lain dari karya-karyanya di media massa maupun juga dalam dunia dakwah dari teori hinggalah ke lapangan. Meskipun dakwahnya tidak selalu diterima terutama dari kalangan bukan Islam, akan tetapi beliau tidak pernah mundur malah bertambah semangat untuk berdakwah.

Beliau meyakini Islam adalah agama fitrah, yaitu agama yang ajaran-ajarannya sejalan dengan fitrah manusia yang memerlukan bimbingan Tuhan dengan tujuan agar jiwanya tumbuh dan berkembang sesuai dengan fitrahnya. Untuk itu Ustaz Ebit Lew menyarankan agar pendakwah dilakukan dengan metode yang tepat dan efektif dengan kata-kata yang menyejukan dan menimbulkan kesan yang dalam serta senantiasa diingat oleh sasaran. Dengan cara itu, sasaran lebih mudah dalam memahami apa yang disampaikan oleh pendakwah.

Melihat gerak langkah Ustaz Ebit Lew dalam membina umat Islam, baik sebelum Malaysia merdeka maupun sesudahnya -dalam bentuk pendidikan formal maupun nonformal ia menerapkan dakwah *bi al-hal*. Artinya melalui perbuatan nyata

⁵ *Ibid.*

secara praktis. Beliau tidak saja pandai mengajak orang lain untuk melakukan atau memperbuat sesuatu, akan tetapi malah ia sendiri yang pertama-tama melakukannya.⁶

Pemikiran beliau seperti ini diyakini karena ia menyadari bahwa dakwah itu tidak hanya sebatas mengajak orang kembali kepada fitrah asal. Akan tetapi disamping itu, haruslah membina mereka menjadi manusia-manusia sempurna, baik segi kognitif maupun aspek afektif dan psikomotorik. Keteladanan pendidik dalam kaca mata Ustaz Ebit Lew sangat menentukan dalam keberhasilan sebuah proses dakwah apalagi dalam konseling Islam. Oleh karena itu, salah satu persyaratan yang menjadi prinsip bagi beliau yang mesti dimiliki pendidik adalah akhlak *karimah* (akhlak mulia).⁷

B. Riwayat Pendidikan Ustaz Ebit Lew

Pendidikan awal Ustaz Ebit Lew di mulai dari Sekolah Kebangsaan Bukit Ridan dari tahun 1991 sehingga tahun 1996. Pada tahap menengah beliau melanjutkan persekolahannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Shah tahun 1997 hingga tahun 1999 dan pada tahun 2000 beliau terus melanjutkan pengajiannya di Sekolah Menengah Teknik Johor Bharu sehingga tahun 2001.

Pada tahun 2002 Ustaz Ebit Lew terus melanjutkan pengajian di Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib sehingga tahun 2003. Setelah tamat di tahap sekolah,

⁶ Observasi, pada tanggal 5 April 2019

⁷ Ebit Lew, Pengarah Transform Training & Consultancy wawancara tanggal 5 April 2019

Ustaz Ebit Lew melanjutkan pendidikannya lebih tinggi di Universitas Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan.⁸

C. Peran Ustaz Ebit Lew Dalam Dakwah

1. Kegiatan Dakwah Ustaz Ebit Lew Kepada Masyarakat

- a. Dia telah mendirikan sebuah syarikat yang dinamakan sebagai Transform Training & Consultancy, bertujuan untuk memberi pelatihan dan konsultasi untuk mengembangkan sumber daya manusia, yaitu meningkatkan pengetahuan dan keterampilan dalam profesi atau bidang pekerjaan masyarakat ke tahap yang lebih produktif.⁹
- b. Dia juga sering memberikan pelatihan kepada golongan siswa sekolah dasar dan menengah, untuk membantu mereka mendapatkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan kehidupan khususnya, serta untuk meningkatkan jati diri dan intelektual mereka.
- c. Selain memberi ceramah di dalam masjid, dewan beliau juga sering turun langsung ke lapangan untuk bertemu dengan masyarakat seperti golongan gelandangan dan transgender.
- d. Dia juga seorang motivator yang sering keliling Malaysia untuk memberi motivasi yang berupa seminar kepada golongan remaja dan golongan yang sudah berumah tangga dengan membawa tema Keluarga Sunnah. Untuk golongan siswa pula ustaz Ebit Lew memberi motivasi melalui

⁸ *Ibid.*

⁹ Ammar, "Pendekatan Kaunseling Dakwah Ustaz Ebit Lew", (tesis: Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad, 2017), h. 7

program yang dinamakan PROKIDS (Program Kembara Intelek Dan Sahsia) dibawah Syarikat Transform Training & Consultancy.¹⁰

2. Sumbangan Kepada Negara

- a. Melalui platform syarikat Transform Training & Consultancy, Ustaz Ebit Lew menyediakan layanan konseling kepada Lembaga pemerintah, sektor swasta, Lembaga Keuangan, dan organisasi non-pemerintah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam profesi atau bidang pekerjaan masing-masing agar lebih produktif dan unggul dalam organisasi.
- b. Beliau banyak memberikan ceramah motivasi di seluruh pelusuk negara hingga ke luar negara, seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Pakistan dan India sekaligus mengharumkan nama negara Malaysia.¹¹
- c. Beliau juga sering memberikan motivasi pada saluran radio IKIM.fm dan Sinar.fm, juga pernah menjadi panel undangan di beberapa rancangan televisi seperti TV9 dan TV Al-Hijrah.¹²

3. Penghargaan Diperoleh Ustaz Ebit Lew

- a. Ustaz Ebit Lew pernah menerima penghargaan Tokoh Maulidur Rasul peringkat kebangsaan pada tahun 2015 Masihi bersamaan 1437 Hijrah berdasarkan sumbangan besar beliau yang terbabit dalam memartabatkan

¹⁰ Observasi, pada tanggal 5 April 2019

¹¹ Ebit Lew, *Perjalanan Hidayah Umat*, (Bandar Baru Bangi: Transform Publication, 2013), h.

¹² *Ibid.*

syiar Islam di peringkat kebangsaan dan global yang diakui oleh berbagai pihak.¹³

- b. Menerima anugerah tokoh pendakwah muda daripada Dewan Pemuda PAS Malaysia sempena muktamar dewan pemuda PAS Malaysia kali ke-59 yang berlangsung di Duyong Marina & Resort Kuala Terengganu.

D. Karya-karya Ebit Lew

Ustaz Ebit Lew adalah seorang pakar dan ilmuan yang tidak diragukan lagi kemampuannya dalam bidang dakwah dan konseling Islam.¹⁴ Hal ini terbukti dengan banyaknya karya yang beliau hasilkan yaitu:¹⁵

1. Perjalanan Hidayah Umat (2013)
2. Tangisan Umat (2012)
3. 11 Amalan Memiliki Kekayaan (2018)
4. Menelusuri Cinta (2015)
5. Saya Cuma Posmen (2016)
6. Isteriku Bidadari (2016)
7. Manzil & amalan Harian (2016)
8. Doa Dan Amalan Harian (2017)

¹³ Ebit Lew, 11 Amalan Memiliki Kekayaan, (Bandar Baru Bangi: Transform Publication, 2018), h. 80

¹⁴ Ebit Lew, Perjalanan Hidayah Umat, (Bandar Baru Bangi: Transform Publication, 2013), h. 98

¹⁵ Observasi, pada tanggal 10 April 2019